

04 OCT 1996

Mahathir-PAS

PAS HANYA CARI ALASAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Pas hanya mencari alasan dengan mengenakan syarat bahawa Umno mesti menerima Islam sebagai dasar perjuangan sekiranya mahukan kedua-dua parti itu bersatu kembali.

"Itu cuma alasan Pas sahaja. Sebenarnya ini politik orang tertentu yang menggunakan agama bagi kepentingan politik mereka," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini, malam ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, beliau tidak nampak langsung asas syarat yang dikenakan oleh Pas itu kerana sebenarnya parti itu yang banyak melanggar ajaran Islam terutamanya dengan memecah-belahkan perpaduan umat Islam.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat selaku Mursidul Am Pas, memberi syarat itu di kediaman rasminya di Kota Baharu petang tadi dengan berkata Pas sememangnya hendak bersatu tetapi dasarnya biar Islam kerana Umno tidak akan rugi kalau menerima Islam.

Dr Mahathir berkata, beliau hairan Pas sebagai sebuah parti politik kecil mahukan sebuah parti besar seperti Umno patuh kepadanya kerana pada kebiasaannya parti yang kecil yang perlu menyertai parti yang besar.

Beliau berkata antara perbuatan lain yang bercanggah dengan ajaran Islam yang dilakukan Pas di Kelantan ialah melarang anggota partinya mengahwini orang Umno.

Menurut Dr Mahathir, sebenarnya yang memperjuangkan Islam ialah Umno dan disebabkan kerajaan Umno, dunia Islam mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam yang perlu dijadikan contoh.

Kejayaan negara Islam bukan kerana Kelantan dan bukan kerana Pas. "Jadi dia tak mahu terima benda yang seluruh dunia terima, itu yang kita hairankan," katanya.

"Saya pasti perjuangan Pas bukan kerana agama Islam. Pergilah lawat ke mana-mana negara Islam, Malaysia dianggap sebagai contoh negara Islam yang sebenar," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga hairan kenapa Pas tidak mengenakan syarat yang sama kepada Parti Melayu Semangat 46 dahulu sedangkan ia boleh bekerjasama dengan parti itu.

"Dengan DAP pun ia biasa kerjasama, malah dengan Majlis Perundingan Cina (CCC) juga ia pernah bekerjasama. Apakah orang-orang itu lebih Islam daripada Umno?" tanya Dr Mahathir. -- BERNAMA

ZAB PR